

Asean mampu jadi pesaing hebat EU

Kerjasama perlu dipertingkatkan untuk muncul kuasa dunia: PM



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Asean berupaya menjadi pesaing hebat kepada Kesatuan Eropah (EU) dan pertubuhan serantau lain jika anggotanya komited meningkatkan kerjasama demi kemakmuran bersama. Perdana Menteri berkata, Asean memiliki kekuatan tersendiri dan kepelbagaian sumber tenaga yang boleh ditajukan, selain rakan dialog yang menaruh kepercayaan tinggi terhadap pakatan strategik sedia ada.

Merumuskan Sidang Kemuncak Asean ke-12 dan beberapa mesyuarat sampingan termasuk Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) kedua yang berakhir semalam berjaya mencapai matlamat, beliau berkata, banyak yang perlu dilakukan jika gagasan

itu mahu menempatkan dirinya sebagai antara kuasa utama dunia.

"Cabaran paling penting sekarang ialah pembangunan tetapi persaingan ini perlu dihadapi bersama. Sekarang EU mungkin dianggap lebih hebat namun Asia Timur juga berpotensi untuk lebih cemerlang."

"Bagaimanapun, semua itu bergantung kepada muafakat dan kerjasama negara anggota," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum pulang ke tanah air, semalam.

Antara dokumen utama ditanda-

“Cabaran paling penting sekarang ialah pembangunan tetapi persaingan ini perlu dihadapi bersama”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tangani ialah Konvensyen Asean Menentang Keganasan, Deklarasi Cebu bagi Pelan Dasar Plagam Asean, Deklarasi Asean bagi Perlindungan dan Pengkalan Hak Pekerja Asing, Deklarasi Cebu Bagi Jaminan Tenaga Asia Timur serta Deklarasi Cebu Ke Arah Satu Komuniti Prihatin dan Saling Berkongsi.

Abdullah berkata, Jepun adalah antara rakan dialog yang menunjukkan minat membangunkan sumber tenaga daripada sumber lain bagi menangani kenaikan harga petrol.

"Jepun memiliki kemampuan tinggi, maka peluang menghasilkan sumber tenaga baru terbuka luas dan Asean mesti mengambil kesempatan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara cabaran utama yang memerlukan perhatian Asean ialah kemiskinan dan mengimbangi pembangunan negara anggota merangkumi aspek infrastruktur, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta pengangkutan khususnya perhubungan menerusi udara.

"Pelbagai pandangan dan cadangan dikemukakan dalam setiap perbincangan, tetapi tiada perbalahan antara kami. Sekarang ini cadangan di peringkat makro, jadi terpidang kepada pegawai kanan dan menteri untuk menterjemahkannya menjadi kenyataan," katanya.

Abdullah berkata, China berharap dapat memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Asean dalam tempoh terdekat, manakala cadangan Korea Selatan mewujudkan institut khas melatih saintis turut diterima baik.

Katanya, Asean juga wajar memanfaatkan pertumbuhan ekonomi India yang kian memberangsangkan.

Sementara itu, Abdullah selamat tiba ke tanah air selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-12 di Cebu, Filipina, malam tadi.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri itu mendarat di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) jam 10 malam tadi. Beliau disambut lebih 100 orang dikalangan pemimpin.